

Kuiz 3

Tarikh: _____

Nama: _____


1. Apakah maksud algoritma?

- A ☐ Algoritma ialah set perilaku untuk mendapatkan masalah.
- B ☐ Algoritma ialah urutan tindakan untuk menyelesaikan masalah.
- C ☐ Algoritma ialah bahasa pengaturcaraan untuk menyelesaikan masalah.
- D ☐ Algoritma ialah konsep untuk menyelesaikan masalah.

2. Apakah perwakilan algoritma yang digunakan untuk menyelesaikan masalah?

- A ☐ Pseudokod dan carta alir
- B ☐ Pseudokod dan turutan langkah
- C ☐ Carta alir dan algoritma
- D ☐ Pseudokod

3. Apakah fungsi bagi simbol ini?




- A ☐ Memasukkan data
- B ☐ Memaparkan output
- C ☐ Membuat pilihan
- D ☐ Menamatkan carta alir

4. Pilih pernyataan yang menggambarkan sesebuah pseudokod.

- A ☐ Nama anda?
Umur anda?
- B ☐ MULA
Anda dikehendaki memasukkan nama anda
Anda dikehendaki memasukkan umur anda
TAMAT
- C ☐ MULA
Masukkan nama murid
Masukkan umur murid
Paparkan nama murid dan umur murid
TAMAT
- D ☐ MULA
nama?
umur?
TAMAT

5. Pilih struktur kawalan yang **tepat** bagi carta alir ini.



- A ☐ Struktur kawalan pilihan tunggal
- B ☐ Struktur kawalan pelbagai pilihan
- C ☐ Struktur kawalan dwipilihan
- D ☐ Struktur jujukan

6. Pilih pengendali hubungan yang **tepat** dengan maksudnya.

A ☐ $\geq$ bermaksud lebih kecil atau sama dengan

B ☐ $<$ bermaksud lebih besar daripada

C ☐ $\leq$ bermaksud lebih kecil atau sama dengan

D ☐ $=$ bermaksud sama dengan satu

7. Apakah fungsi pembilang pada struktur kawalan untuk (for)?


A ☐ Nilai pembilang menentukan bilangan yang diperlukan.

B ☐ Nilai pembilang disemak untuk memastikan proses berulang mengikut syarat.

C ☐ Nilai pembilang menentukan bilangan carta alir yang digunakan.

D ☐ Nilai pembilang ialah bilangan pembilang yang belum digunakan.

8. Rajah menunjukkan suatu carta alir. Berdasarkan carta alir tersebut, apakah struktur kawalan yang digunakan?



A ☐ Struktur kawalan ulang-sehingga

B ☐ Struktur kawalan dwipilihan

C ☐ Struktur kawalan untuk

D ☐ Struktur kawalan selagi

9. Apakah yang dimaksudkan dengan teknik langkah demi langkah?

A ☐ Memeriksa logik algoritma secara langkah demi langkah mengikut urutan.

B ☐ Menggunakan pen dan kertas untuk menghasilkan sesuatu algoritma.

C ☐ Satu teknik manual untuk menyemak logik setiap langkah algoritma.

D ☐ Kesilapan yang menyebabkan sesuatu algoritma mengeluarkan output yang salah.

10. Rajah menunjukkan suatu pseudokod. Jika anda input nombor 10, apakah output yang dipaparkan?

```
MULA
INPUT suatu nombor
SETKAN nombor itu sebagai k
SETKAN nilai n kepada 1
SELAGI n < 5
    KIRA k = k + 2
    TAMBAH 1 kepada nilai n
TAMAT SELAGI
PAPARKAN nilai k
TAMAT
```

A ☐ 20

B ☐ 18

C ☐ 12

D ☐ 10